



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JL/61/2022

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG DAN MEREKABENTUK
PENCAHAYAAN DI PERSIARAN PERDANA DAN ANJUNG FLORIA, WILAYAH
PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor / Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G2, Kategori ME (Mekanikal Dan Elektrikal) Pengkhususan E06 – Sistem Pencahayaan Khas atau E11 - Kerja Am Elektrik** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **22 NOVEMBER 2022**, jam **10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Dahlia (D5)**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **22 NOVEMBER 2022** hingga **24 NOVEMBER 2022** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **29 NOVEMBER 2022 (SELASA)**.
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(LAr. ABD AZIZ BIN BUANG)

NAIB PRESIDEN
Jabatan Landskap & Taman
Perbadanan Putrajaya